

FPSK UMS Adakan Latihan Persediaan Hadapi Kebakaran Di PPPD Sikuati

Terakhir dikemaskini: Khamis, 11 Oktober 2018 15:42 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 176

[Syorkan 0](#)

[Kongsi](#)

[Tweet](#)

[Share](#)



KHAMIS, 11 OKTOBER -

Pihak pengurusan Pusat Pendidikan Perubatan Desa (PPPD), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan sesi latihan kebakaran (Fire Drill) di PPPD Sikuati, Kudat baru-baru ini.

Menurut Ketua PPPD,

Prof. Madya Dr. Tin Tin Aye, latihan yang mendapat kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Kudat itu melibatkan 27 kakitangan PPPD dan 12 anggota bomba.

“Latihan kebakaran ini bertujuan untuk memberi latihan dan mengukur kesiapsiagaan kakitangan dan pelajar di PPPD dalam menghadapi ancaman risiko kebakaran,” katanya.

Dalam pada itu, Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree memaklumkan bahawa sesi latihan kebakaran ini akan diteruskan secara berkala.

“Ini adalah bagi memastikan pengurusan risiko FPSK berada dalam tahap terbaik, selain memastikan kakitangan serta pelajar sentiasa bersedia menghadapi situasi kecemasan seperti itu.

“Setinggi-tinggi terima kasih juga diucapkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat daerah Kudat yang telah memberikan bimbingan dan kerjasama padu dalam menjayakan sesi latihan kebakaran ini,” ujar beliau.